

Lelaki berjudi di tempat awam didenda RM1,000

MIRI: Padah berjudi di tempat awam, seorang lelaki didenda RM1,000 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Anthony Jengaing Tila, 32, dari Bandar Baru Permyjaya di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda hingga RM5, 000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, sekitar jam 6.30 petang, 27 Februari lalu, sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Miri telah pergi ke sebuah premis di Jalan Krokop di sini untuk mengesan kegiatan perjudian jenis

judi dalam talian.

Setibanya di premis itu, mereka telah menahan seorang lelaki yang sedang bermain telefon bimbit untuk tujuan pemeriksaan.

Hasil pemeriksaan ke atas telefon pintar milik tertuduh mendapati ia ada memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas untuk dijadikan barang kes.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu agar hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Randu Rangen, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.